

ANALISIS PENGAPLIKASIAN PELAJAR TERHADAP PERISIAN MAKTABAH SYAMILAH DALAM PENGAJIAN HADIS

Zainora binti Daud

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60192623681, E-Mel: zainora@usim.edu.my

Norazman Alias, USIM

Rabaatul Adawiyah Junus, USIM

ABSTRAK

Hadis memainkan peranan yang sangat penting sebagai sumber perundangan syariat kedua selepas al-Quran. Oleh kerana itu, pengajian hadis sangat penting kerana penguasaan ilmu ini akan memberi implikasi yang besar dalam sandaran hukum-hukum fiqh serta pentafsiran ayat al-Quran. Maka disiplin ilmu hadis atau ulum hadis diperlukan dalam pengkelasan hadis dari aspek sumber rujukan, jumlah periwayat, kebolehpercayaan serta ingatan periwayat, rantaian, rupa teks dan isnad bagi menentukan kualiti keshahihan sesuatu hadis kerana hadis melibatkan periwayatan dan rantaian penyampai yang panjang. Namun begitu, kepesatan teknologi dalam bidang pendidikan Islam khususnya ilmu hadis telah mempelbagaikan medium pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mudah dan berkesan dalam proses perolehan sumber-sumber rujukan arab seperti perisian Maktabah Syamilah yang berfungsi sebagai perpustakaan digital memuatkan ribuan buku teks arab sehingga menjadi mesra pelanggan dari aspek fasiliti serta masa. Lantaran itu, objektif kajian ini adalah untuk meninjau serta menganalisis tahap pengaplikasian perisian Maktabah Syamilah dalam pembelajaran hadis. Metodologi kajian berbentuk kajian kuantitatif melalui instrumen set soal selidik yang telah diedarkan kepada 132 pelajar tahun akhir, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan perisian Maktabah Syamilah dalam bidang pembelajaran hadis pada tahap memuaskan. Bahkan semua pelajar memahami bahawa perisian Maktabah Syamilah sangat diperlukan dalam bidang pengajian hadis bagi memudahkan proses perolehan buku-buku rujukan serta sangat membantu dalam menyelesaikan tugas-tugas ilmiah. Kesimpulannya, para pelajar perlu memiliki pengetahuan yang luas dan kemahiran yang tinggi dalam menggunakan perisian serta teknologi dalam bidang pengajian hadis bagi mendepani revolusi perindustrian 4.0, sekaligus fasiliti ini akan meningkatkan minat dan penguasaan yang baik terhadap semua bidang pengajian Islam.

Kata kunci : Pengaplikasian, Perisian, Maktabah Syamilah, Pengajian, Hadis.

Pendahuluan

Hadis ialah perbuatan, perkataan, dan pengakuan yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. Terdapat sebahagian ulama berpendapat bahawa maksud hadis ialah baharu iaitu apa yang disandarkan kepada Rasulullah SAW kerana al-Quran merupakan kalam Allah yang *qadim* sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn Hajar dalam kitabnya. (Al-Shalih, 1984)

Ilmu hadis terbahagi kepada dua kategori iaitu ilmu hadis riwayat yang membincangkan

semua yang disandarkan kepada perbuatan, perkataan, pengakuan dan sifat Rasulullah SAW. Manakala ilmu hadis dirayah ialah mengetahui keadaan sanad dan matan sama ada diterima atau ditolak. Para ulama juga menamakan ilmu hadis dirayah dengan nama Ulum al-Hadis, Usul al-Hadis dan Mustalah al-Hadis. Hadis atau sunnah dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu *isnad* dan *matan*. *Isnad* merujuk kepada pihak yang menyampaikan hadis Nabi Muhammad SAW, sedangkan *matan* adalah tekstual hadith yang asal daripada baginda SAW dari segi ucapan, perbuatan dan persetujuan. (Al-Khatib, 2006)

Hadis memainkan peranan yang sangat penting dalam sumber perundangan Islam, bahkan kedudukan hadis dalam Islam adalah untuk menjelaskan hukum-hukum syariat Islam dan apa yang terkandung dalam al-Quran. Al-Khatib (2006) menjelaskan bahawa setiap apa yang didatangkan oleh Rasulullah, SAW selain al-Quran dalam menjelaskan hukum-hukum syariat Islam, menerangkan apa yang terkandung dalam al-Quran serta mengaplikasikannya merupakan Hadis al-Nabawi.

Bahkan seseorang Muslim tidak boleh memahami perundangan syariat Islam tanpa merujuk al-Quran dan hadis, begitu juga dengan para mujtahid dan alim. Ini menunjukkan al-Quran dan hadis merupakan sumber perundangan Islam yang sangat penting dan berkolerasi antara satu sama lain. Menurut Mohd Muhideen Abd Rahman (1996), peranan dan pengaruh hadis agak besar dalam perundangan syariat Islam bermula pada zaman Rasulullah SAW sehingga zaman mujtahid. Lantaran itu, hadis tidak boleh dipisahkan daripada al-Quran.

Allah SWT juga memerintahkan kita supaya mengikut hadis sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

3. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya). (Al-Maidah: 3)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa suruhan Allah agar mengikut Rasulullah SAW serta diberi peringatan dengan azab yang pedih bagi sesiapa yang tidak mengamalkannya pada penghujung ayat. Sehubungan dengan itu, jelas menunjukkan bahawa sesiapa yang tidak menerima hadis maka secara tidak lansung dia juga tidak menerima al-Quran. (Al-Qudah, 2003)


Namun dalam konteks globasasi, perpustakaan digital sangat signifikan kerana ia merupakan satu koleksi maklumat yang besar dan teratur yang telah didigitalkan dalam pelbagai bentuk yang membenarkan capaian maklumat bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dalam konsep rangkaian komunikasi global serta penggunaan teknologi maklumat yang optimum. (Zawiyah M Yusof & Masnizah Mohd, 2002). Bahkan dalam bidang pengajian hadis juga mengalami perubahan dari aspek pencarian data-datanya melalui penggunaan teknologi sama ada computer, CD atau secara *online*. Ini memberi kesan yang positif bagi para pengkaji atau pelajar dalam bidang hadis. Contoh program hadis berkomputer al-Mausu'ah al-Zahabi, Jawami' al-Kalim dan sebagainya memudahkan para pengkaji untuk menjejaki ribuan hadis dan menjimatkan masa. (Asmadi Sakat & Mohd Fauzi Mohd Amin, 2007)

Perisian Maktabah Syamilah

Al-Maktabah al-Syamilah bermaksud perpustakaan komprehensif yang menyediakan


penyelidikan digital secara percuma kepada semua para akademik Islam. (Al-Maktabah al-Syamilah, 2020). Maktabah Syamilah juga sebuah perpustakaan digital dalam bahasa Arab yang mengandungi 5300 buku mengenai pelbagai ilmu pengetahuan Islam yang disusun mengikut kategori dan kad pengenalan yang sesuai untuk buku dan pengarang. (Al-Maktabah al-Syamilah, 2009)

Beberapa ciri dalam Maktabah Syamilah ialah kemampuan dalam pencarian yang lebih dinamik, termasuk memilih buku tunggal atau berbilang untuk dicari, mencari tajuk buku, mencari dalam buku, mencari pengarang, dan mencari berbilang perkataan sama ada "dan" atau menggunakan kriteria "atau", kemampuan untuk mengedit buku, menanda buku lokasi kegemaran, membuka pelbagai buku dalam masa yang sama, mengalih keluar atau menyimpan *tasykil* (tanda baca bahasa Arab) daripada teks (apabila tersedia), dan untuk mengaitkan buku *Syarh* (komentar) dengan matan masing-masing (teks - apabila tersedia), kemampuan untuk menukar imej latar belakang aplikasi, dan menukar dan warna pelbagai peringkat teks dan latar belakang dalam perisian (cth. teks utama, ulasan, tajuk, nota kaki), keupayaan untuk mengeksport buku ke fail HTML, dokumen fail (memerlukan Microsoft Word pada peranti dan dokumen fail (memerlukan versi kosong perpustakaan) dengan pelbagai pilihan eksport dan keupayaan untuk mengemas kini perpustakaan dan memuat turun buku baharu dari dalam perisian. (Al-Maktabah al-Syamilah, 2009)



Seiring dengan perkembangan pendigitalan pada abad ke-20, terdapat era peralihan penggunaan perpustakaan daripada bentuk cetakan kepada bentuk digital dan *e-book* yang mudah diakses semasa mencari buku dan jurnal. Perpustakaan digital terus berkembang dengan kemajuan teknologi, dan ciri-cirinya terus ditambah baik. Satu percubaan telah dilakukan dengan memasukkan Sistem Perpustakaan Bersepadu (ILS) ke dalam Perpustakaan Sistem Pengurusan (LMS) dan memajukannya ke Platform Perkhidmatan Perpustakaan (LSP). (Asnil Aidah Ritoga, 2021)

Maktabah Syamilah juga boleh diakses dengan dua kaedah iaitu melakukan kaedah muat turun melalui aplikasi atau menyalin daripada CD Maktabah Syamilah atau membuka laman web maktabah syamilah secara maya melalui laman sesawangnya iaitu www.shamela.ws.




Maktabah Syamilah secara maya mengandungi 7 juta halaman, 8 ribu kitab dan 3 ribu penulis. Pada bahagian muka depannya memaparkan halaman utama, kategori bidang yang mengandungi 40 fail, rujukan nama pengarang yang boleh dicari melalui tahun wafatnya, abjad huruf, atau jumlah kitab, ringkasan projek secara percuma kepada pelajar, muat turun dan maklumat untuk dihubungi. (Al-Maktabah al-Shameela, t.t)


Keseluruhan koleksi kitab hadis dalam perisian Maktabah Syamilah adalah melebihi 3,000 buah kitab. Terdapat beberapa langkah untuk mencari hadis iaitu

Pertama: Mengklik butang pada Maktabah Syamilah, pada ruangan yang diberikan, dikehendaki menulis perkataan atau kalimah yang berkaitan dengan hadis yang ingin dicari.


Kedua: Pada bahagian tengah, diberi pilihan kategori sama ada dari segi Tafsir, Hadis, Ulum Quran. Selain itu, pada bahagian terakhir diberi pilihan buku yang berkaitan dengan kategori tersebut sama ada untuk memilih beberapa kitab atau semua yang berkaitan dengan buku tersebut.



Ketiga: Untuk mencari hadis, dikehendaki menulis perkataan pada ruangan tengah dan memilih kategori dan memilih jenis buku, klik satu atau beberapa daripada itu sehingga hasil carian akan tertera.



Keempat: Perkataan yang terdapat dalam ruangan tertentu boleh disalin selepas perkataan yang dipilih. Dan terdapat juga maklumat tentang teks, buku, bab, juzuk dan muka surat yang boleh digunakan sebagai rujukan.




Kelima: Mengklik pada bar alat untuk mengetahui lebih terperinci tentang data, buku, pengarang, semak imbas, lampiran dan pdf.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau serta menganalisis tahap pengaplikasian perisian Maktabah Syamilah dalam pembelajaran hadis. Rekabentuk kajian tinjauan dilaksanakan dalam penyelidikan ini dengan menggunakan instrumen soal selidik mengikut lima skala likert. (Konting, 1990). Likert (1932) mencadangkan kaedah penyelidikan sikap yang lebih mudah. Penyelidik perlu memilih set pernyataan sikap dan subjek perlu menandakan persetujuan ataupun sebaliknya terhadap setiap pernyataan sepanjang skala lima poin ataupun lebih. (Azizi Yahaya, et al., 2006). Menurut Idris Awang (2009), data kuantitatif adalah data dalam bentuk angka seperti bilangan,kekerapan, pecahan dan peratusan yang dihasilkan melalui kaedah soal selidik dan observasi. Sebanyak 132 pelajar tahun 4, program Pengajian Quran dan Sunnah, USIM dengan teknik persampelan rawak mudah berjaya menjawab set soal selidik yang diedarkan mengikut jadual Krejcie and Morgan (1970). Hasil dapatan dianalisis secara kekerapan dan peratusan bagi meninjau dan menganalisis tahap pengaplikasian terhadap perisian Maktabah Syamilah kalangan responden.

Dapatan Kajian


Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengaplikasian perisian Maktabah Syamilah dalam bidang pembelajaran hadis pada tahap memuaskan. Ini dilihat berdasarkan carta pai 1 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi pandangan reponden terhadap pengaplikasian perpustakaan digital (MS) dalam pengajian hadis iaitu sangat setuju sebanyak 100 amat bersetuju dengan komentar yang baik 132 orang (100% %) berbanding tiada seorang responden memberi komentar yang tidak baik.

Carta Pai 1: Apakah pandangan anda dalam pengaplikasian Perpustakaan Digital (MS) dalam pengajian hadis.




Carta pai 2 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi amalan responden terhadap pengaplikasian perpustakaan digital Maktabah Syamilah (MS) dalam pengajian hadis kalangan pelajar Tahun 4, program Pengajian Quran dan Sunnah, USIM iaitu sangat setuju sebanyak 60 orang (45.5%), setuju sebanyak 59 orang (44.75%), tidak pasti 12 orang (9.1%), tidak setuju seorang (0.8%) serta tiada pada item sangat tidak setuju.

Carta Pai 2: Amalan pelajar dalam pengaplikasian MS dalam pengajian hadis dalam kalangan Pelajar Tahun 4, Program Pengajian Quran dan Sunnah, USIM




Carta pai 3 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi MS perlu dicadangkan kepada orang lain dalam pencarian hadis iaitu sangat setuju sebanyak 79 orang (59.8%), setuju iaitu 50 orang (37.9%), tidak pasti seorang (0.8%), sangat tidak setuju 2 orang (1.5%) dan tiada pada tidak setuju.

Carta Pai 3: Maktabah Syamilah perlu dicadangkan kepada orang lain dalam pencarian hadis





Carta pai 4 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item MS adalah pilihan utama dalam pencarian hadis iaitu sangat setuju sebanyak 65 orang (49.2%), setuju iaitu 59 orang (44.7%), tidak pasti iaitu 5 orang (3.8%), sangat tidak setuju sebanyak 3 orang (2.3%) dan tiada pada item tidak setuju.

Carta Pai 4: MS adalah pilihan utama dalam proses pencarian hadis




Carta pai 5 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item kekerapan penggunaan MS iaitu sebanyak 40 orang (30.3%) amat kerap, kerap sebanyak 31 orang (23.5%), kadang-kadang sebanyak 47 orang (35.6.1%), jarang-jarang sebanyak 14 orang (10.6%) dan tiada bagi item tidak pernah.



Carta pai 6 di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item tujuan digunakan MS iaitu sebanyak 121 orang (45.5%) untuk tugas ilmiah, tesis sebanyak 76 orang (28.6%), ilmu pengetahuan sebanyak 64 orang (24.1%) dan lain-lain sebanyak 5 orang (1.9%).


Carta pai 7 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item penggunaan MS dalam satu semester iaitu 10 kali ke atas setuju sebanyak 77 orang (58.3%), 6 hingga 10 kali iaitu 32 orang (24.2%) dan 1-5 kali sebanyak 23 orang (17.4%).

Carta Pai 7: Penggunaan MS dalam satu semester




Carta pai 8 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item laman sesawang hadis lain yang digunakan dalam pengajian iaitu sebanyak 121 orang (44.8%) Semakhadis.com, Sunnah.com sebanyak 76 orang (28.1%), al-Durar al-Saniyah sebanyak 64 orang (24.1%) dan lain-lain sebanyak 9 orang (3.3%).

Carta Pai 8: Penggunaan website hadis lain




Carta Pai 9: Ciri-ciri web/ perisian yang dipilih?



Carta pai 9 di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item ciri-ciri laman sesawang atau perisian yang menarik minat pelajar iaitu sebanyak 79 orang (31.5%), maklumat banyak iaitu 63 orang (25.1%), paparan menarik sebanyak 60 orang (23.9%), bahasa Arab sebanyak 49 orang (19.5%) dan tiada pada item mudah digunakan.


Carta Pai 10: MS mengandungi maklumat yang autentik



Carta pai 10 di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item persepsi pelajar terhadap MS mengandungi maklumat yang autentik iaitu sangat setuju sebanyak 37 orang (28.0%), setuju iaitu 63 orang (52.3%), tidak pasti iaitu 24 orang (18.2%), sangat tidak setuju sebanyak 2 orang (1.5%) dan tiada pada item tidak setuju.


Carta pai 11 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item persepsi pelajar terhadap MS mengandungi maklumat yang sama dengan kitab asal iaitu sangat setuju sebanyak 37 orang (23.5%), setuju iaitu 71 orang (53.8%), tidak pasti sebanyak 24 orang (18.2%), sangat tidak setuju sebanyak 1 orang (0.8%) dan 5 orang (3.8%) pada item tidak setuju.

Carta Pai 11: Kandungan MS sama dengan kitab asal




Carta pai 12 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi keperluan merujuk kitab asal di perpustakaan selepas menggunakan MS iaitu sangat kerap 6 kali ke atas sebanyak 6 orang (4.5%), kerap 5 hingga 6 kali iaitu 4 orang (3.0%) dan kadang-kadang 3 hingga 4 kali sebanyak 48 orang (36.4%), jarang-jarang 1 hingga 2 kali 50 orang (37.9%) dan tidak pernah 24 orang (18.2%).

Carta Pai 12: Kekerapan merujuk kitab asal di perpustakaan selepas menggunakan Maktabah Syamilah?



Carta pai 13 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi keperluan untuk sentiasa mengemaskini perisian MS iaitu sangat setuju sebanyak 41 orang (31.1%), setuju iaitu 64 orang (48.5%), tidak pasti 24 orang (18.2%), tidak setuju 2 orang (1.5%) dan tiada pada sangat tidak setuju.

Carta Pai 13: Keperluan untuk sentiasa mengemaskini perisian MS.



Analisis dan Perbincangan

Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa semua pelajar memberi komentar yang baik terhadap pengaplikasian perpustakaan digital iaitu Maktabah Syamilah dalam pengajian hadis. Bahkan 90% pelajar bersetuju bahawa Maktabah Syamilah perlu diaplikasikan dalam pengajian hadis dalam kalangan mereka, perlu dijadikan pilihan sebagai alat utama dalam pencarian hadis dan MS ini juga perlu dicadangkan pengaplikasiannya terhadap orang lain. Ini bertepatan dengan Ruzita Ramly (t.t) bahawa perpustakaan digital menyediakan pangkalan data yang menyediakan teks penuh bahan dengan boleh dikongsi oleh pengguna lain dalam masa yang sama serta mempercepatkan pencarian dalam masa yang singkat melalui talian, bahkan ia menjadi satu keperluan bagi generasi kini. Ini juga disokong dengan Khairul Asyraf Mohd Nathir et al., (2019) menyatakan bahawa kesemua perisian seperti SAS, R, SPSS, Mplus, HLM, Stata, Amos, SemPLS, Stat/Transfer, ATLAS.ti, MAXQDA, QSR Merge, Ethnograph, Nvivo, N6, Maktabah Syamilah dan lain-lain ini memiliki fungsi dan keistimewaan yang tersendiri sama ada dalam menganalisis data, mengumpul data, merumuskan kata atau membentuk tema dalam sorotan literasi dan dapatan kajian.

Dari aspek pengaplikasian MS juga dilihat semua pelajar menggunakan MS dalam pengajian hadis, cuma berbeza dari aspek kekerapan, namun sebahagian besar mereka kerap menggunakannya dalam pengajian mereka khususnya yang berkaitan tugas ilmiah dan tesis, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Ini disokong dengan penggunaan MS memberi kemudahan dari aspek masa, tenaga dan kewangan lebih lagi boleh mengakses kitab-kitab rujukan dengan cepat dengan hanya menggunakan kata kunci sahaja. (Riyana Mahtuahmi, 2020). Bahkan Khairul Asyraf Mohd Nathir et al., (2019) menegaskan bahawa majoriti pengkaji bidang pengajian Islam menggunakan pendekatan analisis dokumen melalui teks daripada al-Qur'an, Hadith, kitab dan manuskrip sebagai bahan utama dalam soroton literatur dan data dianalisis. Kesemua data-data tersebut digunakan melalui tatacara manual dan tradisional iaitu pengelasan tema dilakukan dengan teknik catatan dan rekod sebelum dikeluarkan menjadi data mentah dan dianalisis untuk memperoleh tema yang tertentu. Justeru itu, proses tersebut mengambil jumlah masa yang lama untuk menyiapkan sesuatu topik dan sub topik berkaitan kajian.

Jika dilihat pengaplikasian MS dalam satu semester, sebahagian besar dalam kalangan responden sangat kerap menggunakan MS. Ini berdasarkan keperluan yang tinggi dalam pencarian hadis pada tahun akhir kerana terlibat dengan latihan ilmiah dan latihan industri. Ini selari dengan dapatan kajian Riyana Mahtuami (2020) bahawa perisian MS sangat bermanfaat sebagai rujukan dalam tugas-tugas pengajian dan mencadangkan agar para pelajar meningkatkan penguasaan kemahiran dalam pengaplikasian MS dengan mengikuti setiap pengemaskinian MS semasa ke semasa.

Malahan para pelajar juga menggunakan medium perpustakaan digital lain seperti lamansesawang semakhadis.com, sunnah.com, al-Durar al-Saniyah dan lain-lain. Ini dibuktikan dengan Ruzita Ramly (t.t) bahawa seiring dengan perkembangan teknologi telah memberi kesan keperluan sosioekonomi dan budaya ilmu. sehingga tidak mungkin bagi sesebuah perpustakaan mampu untuk menyimpan semua maklumat dan bahan terbitan di dunia atau negara. Kandungan maklumat shahih, paparan menarik, kandungan maklumat yang banyak serta bahasa pengantar dalam bahasa Arab menjadi karakter pemilihan dalam laman sesawang dan perisian. Ini juga disokong dengan Zawiyah M. Yusof & Masnizah Mohd (2002) bahawa maklumat digital, koleksi maklumat yang luas dan teratur, masa dan tempat tidak terhad serta teknologi maklumat yang optimum. Walaupun Khairul Asyraf Mohd Nathir et al., (2019) membuat kajian berkaitan penggunaan perisian ATLAS.ti dan Maktabah Syamilah, namun perisian Maktabah Syamilah khususnya dalam bidang pengajian Islam yang melibatkan penggunaan medium bahasa Arab dapat menghasilkan satu bentuk dapatan yang berkualiti tinggi dan bersistematik dengan terdapat tatacara yang membolehkan para pengguna menggunakan perisian ini secara maksimum.

80% pelajar bersetuju MS mengandungi maklumat yang autentik dan mereka bersetuju bahawa MS menyamai kitab asal. Sebahagian besar responden juga akur untuk sentiasa mengemaskini perisian MS supaya dapat digunakan dengan baik. Ini bertepatan dengan Khairul Asyraf Mohd Nathir et al., (2019) bahawa setiap teks yang terdapat dalam Maktabah Syamilah adalah 100% sama dengan apa yang termaktub dalam kitab atau manuskrip bahasa Arab. Dalam hal ini, pelajar mampu untuk memindahkan bentuk data yang terdapat dalam Maktabah Syamilah ke dalam Microsoft Word dalam masa yang singkat. Kaedah salin dan tampal ini memberi ruang kepada pengguna dalam bidang pengajian Islam ini untuk mencetak maklumat utama yang berkaitan dengan kajian tanpa melibatkan data dan maklumat yang lain.

Penutup

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa semua pelajar bersetuju mengaplikasikan Maktabah Syamilah dalam pengajian hadis kerana ia menyediakan koleksi ribuan rujukan yang memberi fasiliti yang baik dari aspek masa, tempat, tenaga dan kewangan, begitu juga dalam aspek pengajian Islam secara umumnya. Namun begitu, (Mohd Fauzi Mohd Amin, 2022) mencadangkan agar setiap teks hadis dalam bentuk digital dibuat kesahan dalam kalangan berautoriti dengan kitab-kitab bercetak supaya dapat menjamin keshahihan teks hadis tersebut. Bahkan para pelajar juga perlu sentiasa meningkatkan kemahiran diri bagi menguasai dan memahami setiap perisian dalam pembelajaran agar dapat mengukuhkan kajian dan memenuhi keperluan dalam PdP, ini disokong oleh Khairul Asyraf Mohd Nathir et al., (2019) bahawa pemahaman terhadap sesuatu perisian perlu dilakukan dengan mendalam bagi membolehkan sesuatu kajian itu mendapat impak yang besar sejajar dengan keupayaan perisian tersebut.

Rujukan

Al-Quran.

Al-Khatib, Muhammad ‘Ajjaj. (2006). *Usul al-Hadith ‘Ulumuhu wa Mustalahuhu*. Damsyik: Darul Fikir.

Al-Maktabah al-Shameela. (t.t). Al-Maktabah al-Shameela. Dicapai dalam <https://shameela.ws/>
Al-Maktabah Al-Syamilah. (2009). Islamic Library. Dicapai dalam <https://islaamic library.wordpress.com/2009/03/01/the-comprehensivelibrary/>)

Al-Maktabah al-Syamilah. (2020). Al-Mattabkh al-Shamila: A Short History. Dicapai dalam <https://www.aku.edu/news/pages/new-details>

Al-Qudah, Syarah Mahmud. (2003). *Al-Minhaj al-Hadith fi Ulum al-Quran*. APIUM: Muassasah al-Bayan.

Al-Shalih, Subhi. *Ulum al-Hadith wa Mustalahuhu ‘Aradhun wa Dirasah*. Beirut: Dar al-‘Ilm al-Malayan.

Asmadi Sakat & Mohd Fauzi Mohd Amin. 2007. Kepentingan Sanad Dalam Ilmu Hadith Di Era Globalisasi. *Jurnal Ma’alim al-Quran wa Sunnah*. Bil.2. 165-187.

Asnil Aidah Ritonga. (2021). Maktabah Syamilah as an Information Seeking Tool for Higher Education in Islamic Studies. *Library Philosophy and Practice (e-journal)*. 6196. Dicapai dalam <https://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/6196>

Azizi Yahaya et al. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan Teori, Analisis Dan Interpretasi Data*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.

Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.

Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha & Wan Muhammad Wan Sulong. (2019). Penggunaan Perisian Atlas.Ti 8 Dan Maktabah Syamilah Dalam Kajian Kualitatif Bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 5(2), 2019 57-67.

Konting, M.M. 1990. *Kaedah Penyelidikan*. Cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. Small-Sample Techniques (1960). The NEA Research Bulletin, Vol. 38.

Likert, Rensis. (1932). *A Technique for The Measurement of Attitudes*. New York: New York

University.

Mohd Fauzi Mohd Amin. (2022). Panduan Penyemakan Dan Status Hadith. Kertas kerja dalam Wacana Hadith Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan Kementerian Dalam Negeri, Negeri Sembilan Dengan Kerjasama Fpqs Usim Tahun 2022.

Mohd Muhideen Abd Rahman. (1996). Al-Hadith: Kedudukan dan Peranannya. *Ejournal UM*. 27-40. Dicapai dalam [https://ejournal.um.edu.my > article > downloadPDF](https://ejournal.um.edu.my/article/downloadPDF)

Riyana Mahtuahmi. (2020). Pemanfaatan Software Maktabah Syamilah dalam Pemenuhan Referensi Mahasiswa Ilmu al-Quran dan Tafsir di Fakultas Ushuluddin dan Filsafat UIN al-Raniry Banda Aceh. Tesis Sarjana, Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, UIN al-Raniry Banda Aceh.

Ruzita Ramly. (t.t), Perpustakaan Digital dalam Persekitaran E-Pembelajaran: Pengalaman OUM. Dicapai dalam <http://library.oum.edu.my/repository/357/1/perpustakaan.pdf>

Zawiyah M.Yusof dan Masnizah Mohd, (2002). Perpustakaan Digital: Satu Tinjauan ke Atas Definisi Konsep dan Perbandingan Kefahaman di Kalangan Ketua Pustakawan di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa (Teknologi Maklumat)*. Jil 2 Jun 2002. 35-4